



SEKSYEN 33(1) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KLSB

V.

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

MOF.PKCP.700-7/1/1141

 PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

 PUAN NIK SERENE BINTI NIK HASHIM

 10 FEBRUARI 2023

Pembayar Cukai telah merayu ke atas Notis Tidak Kena Cukai bagi Tahun Taksiran 2018 melibatkan keputusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) yang

tidak membenarkan tuntutan Pembayar Cukai ke atas perbelanjaan bayaran yang dilakukan kepada Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM70,200.00 sebagai tolakan perbelanjaan di bawah Seksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”).

Pembayar Cukai berhujah bahawa bayaran sumbangan yang dilakukan kepada Kerajaan Negeri Johor bukan bersifat modal kerana perbelanjaan tersebut berkait rapat dengan penjanaaan pendapatan perniagaan Pembayar Cukai sebagai pemaju hartanah. Pembayar Cukai juga menyatakan bayaran tersebut bukan bersifat denda atau penalti kerana tiada peruntukan berkaitan denda atau penalti dalam perjanjian yang dimasuki di antara Pembayar Cukai dengan Kerajaan Negeri Johor. Pembayar Cukai juga telah mematuhi segala syarat yang dinyatakan dalam perjanjian tersebut. Oleh yang demikian, Pembayar Cukai berpendirian bahawa bayaran sumbangan pelepasan kuota bumiputera kepada Kerajaan Negeri Johor layak diberikan potongan di bawah Seksyen 33(1) ACP 1967.

Seterusnya, KPHDN menghujahkan bahawa bayaran tersebut adalah bertujuan untuk melepaskan unit bumiputera kepada pembeli awam (bukan bumiputera) yang mana ia tidak berkait dengan aktiviti perniagaan Pembayar Cukai iaitu sebagai pemaju dan kontraktor perumahan. Bayaran tersebut hanyalah bayaran yang dilakukan untuk mendapatkan hak untuk menjual unit bumiputera kepada bukan bumiputera. KPHDN turut berhujah bayaran tersebut adalah bersifat modal kerana ia berkait dengan pemerolehan punca pendapatan Pembayar Cukai yang dilakukan hanya sekali dan tidak berulang (*recurring*).

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan memutuskan perbelanjaan bayaran bagi pelepasan kuota bumiputera yang dibuat oleh Pembayar Cukai kepada Kerajaan Negeri Johor tidak layak untuk potongan di bawah Seksyen 33(1) ACP 1967.

*Nota Editor:*

- *Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan ke atas keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*